

18/12/2021 m/s: 19 SINAR HARIAN

UMT terima sampel muntah ikan paus

Kandungan bahan aktif iaitu ambrien akan menentukan sama ada ia tulen atau palsu

OLEH NORHANI YATIM

KUALA TERENGGANU

Sampel muntah ikan paus atau ambergris yang daterima semalam di Muzium Akhbar November lalu telah diserahkan ke Makmal Pusat Perkhidmatan Penyelidikan dan Lapangan (PPPL) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) untuk proses analisis.

Pegawai Pusat Perkhidmatan Penyelidikan dan Lapangan (PPPL) UMT, Profesor Madya Dr Hasrizal Shaari berkata, sampel tersebut sempat प्राप्त ibi di-

serahkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia Terengganu ke makmal berkenaan pada malam Khamis.

Beliau berkata, keputusan proses analisis dijangka memakan masa selama seminggu.

"Sekiranya objek yang didakwa ambergris ini benar-benar tulen, nilainya bergantung kepada kandungan bahan aktif iaitu ambrien yang ada di dalamnya.

"Kita tidak nalikan ia mempunyai nilai yang tinggi di pasaran dengan anggaran tidak kurang RM100,000 bagi setiap satu kilogram," katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Menurut Hasrizal, beliau juga teruja untuk menguji ketulenan objek berkenaan yang didakwa sebagai muntah ikan paus.

"Ramai yang telah meng-



DR HASRIZAL SHAAH

hubungi saya untuk tahu sama ada ia tulen atau tidak. Satu Malaysia menanti untuk tahu keputusan analisis.

"Insya-ALLAH dalam tempoh seminggu kita akan dapat keputusan. Saya juga teruja untuk menguji ketulenan sampel am-

bergris atau lebih popular dengan jolokan emas tempung itu," katanya.

Jelas Hasrizal, pihaknya akan mengambil sampel berkenaan dalam kuantiti yang perlu dan akan mengembalikannya semula ke Makmal Perikanan.

"Proses pengujian sampel ini merupakan sebahagian daripada Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UMT dan Jabatan Perikanan melibatkan Pegawai Penyelidik Perikanan yang turut menjalankan analisa



Antara sampel ambergris sedia ada di Makmal Pusat Perkhidmatan Penyelidikan dan Lapangan (PPPL) Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

ketulenan sampel tersebut," katanya.

Pada Rabu, Ketua Pejabat Perikanan Daerah Kemaman serta beberapa pegawai daripada Institut Penyelidikan Perikanan Rantau Abang, Dungun telah mengambil sampel berkenaan bagi proses kajian.

Pegawai Jabatan Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat

berkata, kajian terperinci perlu dibuat bagi mengesahkan ketulenan objek seberat lima kilogram didakwa muntah paus yang diterima peniaga wanita tersebut.

Katanya, ia bagi mengesahkan sama ada objek itu benar-benar muntah ikan paus atau gumpalan sisa-sisa lain yang dibawa ombak.